

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PENYELIDIK**

**Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>GRED GAJI/JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>Q1-1, Q1-2, Q1-4, Q1-5, Q1-6</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b>	<b>1 JANUARI 2012</b>

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q1-1: T1); atau

- (b) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pertanian atau perikanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q1-1: T1); atau

- (c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q1-1: T1); atau

- (d) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q1-1: T1); atau

- (e) Ijazah Sarjana dalam bidang sains, perikanan, pertanian, kejuruteraan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q1-1: T3); atau

- (f) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sains, perikanan, pertanian, kejuruteraan atau bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q1-1: T5).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penyelidik adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q1-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**SYARAT LANTIKAN  
TERUS KE JAWATAN  
PEGAWAI PENYELIDIK  
GRED Q1-2, Q1-4, Q1-5,  
Q1-6 ATAU JAWATAN  
DALAM KUMPULAN  
PENGURUSAN TERTINGGI**

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q1-2, Q1-4, Q1-5, Q1-6 atau jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1 dan 2 di atas; dan
- (b) (i) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan kepada bidang pembangunan dan penyelidikan (R & D); dan  
(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED Q1-2**

5. Pegawai Penyelidik Gred Q1-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q1-2 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED Q1-4**

6. Pegawai Penyelidik Gred Q1-2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q1-4 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED Q1-5**

7. Pegawai Penyelidik Gred Q1-4 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q1-5 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED Q1-6**

8. Pegawai Penyelidik Gred Q1-5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q1-6 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE KUMPULAN  
PENGURUSAN TERTINGGI**

9. Pegawai Penyelidik Gred Q1-6 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK**

**Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PELAKSANA</b>
<b>GRED GAJI/JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>Q2-1, Q2-2, Q2-5</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b>	<b>1 JANUARI 2012</b>

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) Diploma dalam bidang sains atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q2-1: T1); atau

(b) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q2-1: T1); atau

(c) Diploma Sains Veterinar/Haiwan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q2-1: T1).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penyelidik adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q2-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PEPERIKSAAN BAGI  
TUJUAN PENGESAHAN  
DALAM PERKHIDMATAN**

4. Penolong Pegawai Penyelidik hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED Q2-2**

5. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q2-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q2-2 yang kosong apabila telah:-
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED Q2-5**

6. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q2-2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q2-5 yang kosong apabila telah:-
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PENYELIDIK**

7. Penolong Pegawai Penyelidik yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q1-1 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU PENYELIDIK**

**Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PELAKSANA</b>
<b>GRED GAJI/JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>Q4-1, Q4-3, Q4-5</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b>	<b>1 JANUARI 2012</b>

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q4-1: T1); atau
  - (b) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q4-1: T4); atau
  - (c) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q4-1: T4).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PEPERIKSAAN BAGI  
TUJUAN PENGESAHAN  
DALAM PERKHIDMATAN**

3. Pembantu Penyelidik hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED Q4-3**

4. Pembantu Penyelidik Gred Q4-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penyelidik Gred Q4-3 yang kosong apabila telah:-
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED Q4-5**

5. Pembantu Penyelidik Gred Q4-3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penyelidik Gred Q4-5 yang kosong apabila telah:-
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

**PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI  
PENYELIDIK**

- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
6. Pembantu Penyelidik yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q2-1 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.